PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2014

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi berkembang pada kadar sederhana

Aktiviti ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada suku pertama. Dalam ekonomi maju, meskipun pemulihan berterusan secara beransur-ansur dalam kebanyakan ekonomi, Amerika Syarikat (AS) mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh keadaan cuaca yang buruk. Beberapa ekonomi di Asia berkembang pada kadar yang lebih perlahan memandangkan permintaan dalam negeri terjejas oleh faktor-faktor khusus di negara-negara berkenaan. Dalam keadaan persekitaran pertumbuhan yang sederhana dan inflasi yang rendah, dasar monetari global kekal sangat akomodatif.

Pada suku pertama, keadaan pasaran kewangan global adalah tidak menentu. Penghindaran risiko meningkat, mencerminkan terutamanya kebimbangan terhadap pertumbuhan dan perkembangan dasar monetari di AS serta risiko geopolitik yang semakin meningkat. Sentimen menerima kesan daripada data ekonomi di AS yang lebih lemah daripada jangkaan dan pengumuman Fed mengenai lanjutan pengecilan program pelonggaran kuantitatifnya (quantitative easing, QE). Dalam pasaran sedang pesat membangun, penghindaran risiko yang lebih ketara juga disebabkan oleh perkembangan yang tidak menggalakkan dalam beberapa ekonomi, seperti peningkatan risiko terhadap pertumbuhan yang makin rendah di Republik Rakyat China (RR China) serta ketegangan politik dan sosial di beberapa buah negara, termasuk Turki dan Argentina. Walaupun terdapat perkembangan yang buruk, kebanyakan indeks ekuiti global utama mengakhiri suku pertama pada paras yang lebih tinggi memandangkan kelemahan dalam aktiviti ekonomi di AS dianggap bersifat sementara. Yang penting, S&P 500 mencatat peningkatan suku tahunan berturut-turut buat kali kelima, dengan indeks ekuiti penanda aras mencatat beberapa paras tertinggi pada bulan Mac. Walau bagaimanapun, indeks ekuiti di Jepun dan RR China mengakhiri suku pertama pada paras yang lebih rendah. Pasaran ekuiti Jepun menjadi lembap disebabkan oleh kebimbangan mengenai impak yang mungkin timbul daripada kenaikan cukai penggunaan, pada bulan April 2014. Di RR China, sentimen terjejas oleh peningkatan risiko terhadap pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan kemungkiran yang berlaku dalam sektor kewangan.

Ekonomi AS menjadi sederhana pada suku pertama 2014 (2.3%; S4 2013: 2.6%), disebabkan terutamanya oleh keadaan cuaca buruk yang luar biasa. Berdasarkan pelarasan secara bermusim tahunan, pertumbuhan menjadi perlahan kepada 0.1% (S4 2013: 2.6%). Penambahan inventori lebih rendah manakala eksport menjadi sederhana. Pemulihan pasaran perumahan juga menjadi perlahan disebabkan oleh gabungan faktor kadar gadai janji yang tinggi dan cuaca buruk yang menjejaskan pembinaan dan jualan rumah. Walau bagaimanapun, sentimen pengguna dan perniagaan terus bertambah baik. Perbelanjaan pengguna meningkat, disokong oleh perbelanjaan penjagaan kesihatan yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan *Affordable Care Act* dan perbelanjaan utiliti yang tinggi pada musim sejuk. Walaupun terdapat kelemahan berkaitan dengan cuaca, keadaan pasaran pekerja adalah menggalakkan dengan peluang pekerjaan bersih yang diwujudkan mampan pada 569,000 (S4 2013: 595,000). Inflasi meningkat kepada 1.4% (S4 2013: 1.2%), mencerminkan kadar sewa dan harga makanan yang lebih tinggi.

Di kawasan euro, pemulihan berterusan pada kadar yang perlahan. Permintaan dalam negeri bertambah baik, disokong oleh keadaan monetari yang akomodatif dan kadar konsolidasi

fiskal yang lebih perlahan. Namun, keadaan permintaan keseluruhan kekal lembap akibat daripada keadaan pembiayaan yang ketat serta kadar keberhutangan yang tinggi dan pengangguran yang meningkat. Inflasi menjadi sederhana kepada 0.7% (S4 2013: 0.8%) disebabkan oleh harga tenaga dan makanan yang rendah.

Aktiviti ekonomi di UK berkembang sebanyak 3.1% (S4 2013: 2.7%). Berdasarkan pelarasan secara bermusim, pertumbuhan suku tahunan meningkat sebanyak 0.8% (S4 2013: 0.7%). Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan disebabkan terutamanya pengembangan subsektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Kadar inflasi menjadi sederhana kepada 1.7% (S4 2013: 2.1%) berikutan kadar kenaikan harga makanan dan perkhidmatan rekreasi yang lebih perlahan.

Di Jepun, ekonominya terus mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan dalam negeri. Penggunaan swasta meningkat, disokong oleh perbelanjaan runcit yang lebih tinggi berikutan permintaan yang disegerakan sebelum kenaikan cukai penggunaan pada 1 April 2014. Pelaburan disokong oleh sentimen perniagaan yang bertambah baik seperti ditunjukkan oleh indeks kaji selidik Tankan bagi perusahaan perkilangan besar, yang meningkat kepada 17 (S4 2013: 16). Dalam sektor luar negeri, eksport meningkat lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh penghantaran yang lebih rendah ke Asia, AS dan Eropah Barat. Inflasi (kecuali makanan segar) meningkat (1.3%; S4 2013: 1.1%) berikutan kenaikan harga barangan tahan lama isi rumah, utiliti dan rekreasi. Inflasi teras adalah pada 0.7% (S4 2013: 0.5%).

Pendirian dasar monetari dalam ekonomi maju kekal sangat akomodatif, meskipun tanda-tanda perubahan dalam kecenderungan dasar mulai timbul sebagai mencerminkan kadar pemulihan ekonomi yang tidak sekata. Fed telah menunjukkan tanda-tanda kemungkinan dasar monetari akan kembali pada keadaan yang wajar jika momentum aktiviti ekonomi terus meningkat manakala BoE menyatakan bahawa kadar faedah akan dinaikkan sebaik sahaja usahanya untuk mengurangkan kelembapan ekonomi mencapai perkembangan yang menggalakkan. Sebaliknya, European Central Bank (ECB) dan Bank of Japan (BoJ) menegaskan semula komitmen mereka untuk mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif berikutan inflasi yang rendah dan pemulihan ekonomi yang lembap.
Fed terus mengurangkan kadar pembelian asetnya sebanyak USD10 bilion pada setiap mesyuaratnya dengan mengurangkan jumlah pembelian aset kepada USD45 bilion bermula bulan Mei 2014 (bulan April 2014: USD55 bilion; Disember 2013: USD85 bilion). Semasa mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) pada bulan Mac, Fed mengumumkan pendirian dasar monetarinya akan datang (forward guidance) yang kekal rendah dalam tempoh yang agak panjang

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
AS[1]	1.1	2.6	1.9	0.1[a]
UK	0.5	2.7	1.7	3.1[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan (%)			
RR China	7.7	7.7	7.7	7.4
Indonesia	6.0	5.7	5.8	5.2
Singapura	0.6	5.5[d]	4.1[d]	5.1[a]
Korea	2.1	3.7[d]	3.0[d]	3.9[a]
China Taipei	1.4	2.9	2.1[d]	3.0[a]

[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

selepas berakhirnya QE, tetapi memansuhkan kadar paras ambang (numerical threshold) pada 6.5% bagi kadar pengangguran. Meskipun jangkaan pertumbuhan secara keseluruhan tidak berubah, Fed mengunjurkan kadar pengangguran masing-masing akan mencecah 6.1-6.3% dan 5.6-5.9% menjelang akhir tahun 2014 dan 2015 (sebelumnya: masing-masing 6.3-6.6% dan 5.3-5.8%). Pada bulan Februari, Bank of England (BoE) juga menumpukan semula forward guidancenya daripada penekanan utama terhadap paras ambang kadar pengangguran kepada penilaian keseimbangan kadar pengangguran jangka sederhana berdasarkan keupayaan lebihan ekonomi. Ini berikutan penilaian BoE bahawa paras ambang kadar pengangguran pada 7% akan dicapai lebih dahulu daripada jangkaan awal. ECB menegaskan bahawa kadar faedah utamanya akan kekal pada paras semasa atau lebih rendah untuk tempoh yang lebih panjang berikutan jangkaan inflasi yang lemah dan kelemahan ekonomi yang menyeluruh dalam jangka sederhana.

Aktiviti ekonomi di beberapa ekonomi Asia menjadi sederhana pada suku pertama disebabkan oleh perkembangan khusus di negara-negara berkenaan. Di RR China, pertumbuhan lebih rendah pada 7.4% (S4 2013: 7.7%), mencerminkan terutamanya pelaburan yang berkurang dan sumbangan negatif yang lebih besar daripada eksport bersih. Pertumbuhan di Indonesia menjadi sederhana kepada 5.2% (S4 2013: 5.7%) disebabkan terutamanya oleh eksport bersih dan penggunaan kerajaan yang lebih rendah berikutan langkah konsolidasi fiskal. Di Singapura, ekonominya menjadi sederhana kepada 5.1% (S4 2013: 5.5%) apabila pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor perkhidmatan telah lebih daripada mengimbangi pengembangan berterusan dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Di Korea dan China Taipei, aktiviti ekonomi bertambah baik, disokong oleh penggunaan swasta dan eksport bersih.

Inflasi meningkat dalam beberapa ekonomi Asia (Filipina, China Taipei dan Thailand) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan. Di Korea, inflasi meningkat pada kadar yang lebih cepat apabila harga utiliti meningkat. Sebaliknya, inflasi di Singapura, Hong Kong SAR dan Indonesia menjadi perlahan, disebabkan sebahagiannya oleh kos pengangkutan yang lebih rendah. Inflasi menjadi sederhana di Singapura dan Indonesia masing-masing disebabkan oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam harga perumahan dan makanan.

Pada suku pertama, bank pusat di rantau ini mengekalkan pendirian dasar akomodatif dalam persekitaran inflasi yang rendah dan aktiviti ekonomi yang berkembang dengan sederhana. Pada bulan Mac, Bank of Thailand mengurangkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas kepada 2.00% untuk menyokong aktiviti ekonomi, memandangkan terdapat peningkatan terhadap risiko pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan pergolakan politik yang berpanjangan. Sebaliknya, Reserve Bank of India (RBI) menaikkan kadar repo dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 8.00% pada suku tersebut untuk mengawal tekanan inflasi. Pada bulan April, RBI menambah mudah tunai untuk repo bertempoh 7 hari dan 14 hari serta mengurangkan mudah tunai bagi repo semalaman untuk meningkatkan transmisi kadar dasarnya.

Harga minyak mentah Brent kekal pada purata USD108 setong pada suku pertama (S4 2013: USD108 setong). Harga minyak kekal tinggi apabila kebimbangan meningkat berhubung dengan kemungkinan berlakunya gangguan bekalan dari Russia, pengeluar minyak terbesar dunia, berikutan ketegangan geopolitik dengan Ukraine yang semakin meningkat. Pengurangan pengeluaran yang berterusan daripada pengeluar utama OPEC menambah tekanan terhadap harga minyak, dengan harga mencecah paras tinggi USD110 setong pada bulan Februari. Walau bagaimanapun, kenaikan harga minyak seterusnya terkawal disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk paras inventori minyak mentah yang lebih tinggi di negara utama OECD, peningkatan permintaan minyak yang sederhana di negara pengguna minyak utama serta penambahan pengeluaran minyak

shale di AS. Menjelang akhir suku pertama, harga minyak menjadi sederhana kepada USD108 setong.

Mata wang utama mengakhiri suku pertama pada paras yang lebih tinggi berbanding dengan dolar AS manakala kebanyakan mata wang serantau pula mengakhiri suku pertama pada paras yang lebih rendah. Euro dan paun sterling menambah nilai disebabkan oleh pengumuman data ekonomi dalam negeri dan KDNK yang menggalakkan pada suku keempat. Sementara itu, yen menambah nilai berikutan permintaan terhadap mata wang ini yang lebih tinggi disebabkan oleh sifat "safe haven" mata wang ini dalam keadaan tekanan geopolitik yang semakin meningkat. Di Asia, mata wang serantau menyusut nilai disebabkan oleh peningkatan penghindaran risiko yang didorong oleh kebimbangan mengenai risiko pertumbuhan dan kewangan di RR China, kelemahan beberapa ekonomi sedang pesat membangun seperti Turki dan Argentina serta tekanan geopolitik yang semakin meningkat di Ukraine. Walau bagaimanapun, menjelang akhir suku pertama, sentimen yang positif terhadap kemungkinan lebih tinggi bahawa RR China akan melaksanakan rangsangan ekonomi telah memberikan sedikit sokongan kepada mata wang Asia. Di RR China, penyusutan nilai renminbi pada suku pertama didorong sebahagiannya oleh julat transaksi kadar pertukaran yang lebih besar kepada +/-2% daripada +/-1% oleh People's Bank of China (PBoC) untuk menambah fleksibiliti dua hala mata wang tersebut. Rupiah Indonesia, bagaimanapun, menambah nilai disebabkan oleh sentimen pelabur yang bertambah baik susulan prospek politik yang lebih menggalakkan.

Melangkah ke hadapan, pemulihan ekonomi global dijangka berterusan. Aktiviti perdagangan antarabangsa akan terus mendapat manfaat daripada prospek pertumbuhan ekonomi maju yang bertambah baik. Di Asia, meskipun permintaan dalam negeri dijangka menjadi sederhana, ia akan terus menyokong prestasi keseluruhan ekonomi rantau ini dan ditambah pula oleh sokongan daripada keadaan luaran yang bertambah baik. Ketidakpastian yang berterusan mengenai dasar monetari di ekonomi maju utama, perkembangan ekonomi dalam negara maju dan negara sedang pesat membangun serta perkembangan geopolitik, dijangka mengakibatkan turun naik yang berterusan dalam pasaran kewangan global.